

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**  
**[KLANG]**

**SOALAN :**

**TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kaedah dan cara (*methodology*) yang digunakan untuk tetapkan *Poverty Line Income*. Adakah cara penghitungan tersebut mengambil kira masalah tiada persamaan (*inequality*) di Malaysia.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) adalah pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan setiap ahlinya untuk membolehkan mereka hidup dalam keadaan sihat dan selesa.

Model pengukuran PGK yang digunapakai di Malaysia telah dikaji secara mendalam pada tahun 2005 oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP). Malaysia mengguna pakai kaedah "*Cost of Basic Needs*" yang mengambil kira tiga komponen asas iaitu keperluan makanan, keperluan bukan makanan dan ciri-ciri isi rumah yang berkaitan.

Bagi menentukan keperluan pemakanan, sekumpulan pakar dari Kementerian Kesihatan Malaysia dan institusi pengajian tinggi telah menentukan kadar minimum kalori yang diperlukan oleh seseorang untuk terus hidup sihat dan selesa. Keperluan ini adalah mengikut jantina, umur dan lokasi kediaman mereka. Selain itu, bagi menentukan keperluan bukan makanan, sekumpulan pakar sosiologi dari pelbagai agensi telah menentukan keperluan minimum merangkumi pakaian, perumahan, pengangkutan dan keperluan-keperluan bukan makanan lain mengikut jantina dan umur seseorang. Maklumat ini diperolehi daripada Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (HES).

Hasil dari kajian yang mendalam ini, penentuan item dibuat dan diselaraskan dengan harga barangan semasa. PGK yang digunakan dikemas kini bagi setiap dua setengah tahun sekali, seiringan dengan pelaksanaan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPIR) dan keperluan perancangan negara serta perubahan harga yang berlaku. Oleh yang demikian, PGK semasa yang diguna pakai adalah realistik dan telah mengambil kira masalah tiada persamaan (*inequality*) di Malaysia.

Kadar PGK untuk tahun 2014 (data awalan) adalah RM910 untuk Semenanjung Malaysia, RM1,160 untuk Sabah dan RM990 untuk Sarawak.

Metodologi penentuan PGK ini telah pun didokumen dengan kerjasama UNDP. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mendapat maklumat lanjut boleh melayari laman sesawang UNDP di alamat [www.my.undp.org/content/dam/malaysia/docs/povred/Measuring Monitoring Poverty n Inequality.pdf](http://www.my.undp.org/content/dam/malaysia/docs/povred/Measuring_Monitoring_Poverty_n_Inequality.pdf) pada muka surat 23.

Sekian. Terima kasih.